



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

---

---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**23 JUN 2021 (RABU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**23 JUN 2021 (RABU)**

# Pengilang dilarang naikkan harga tepung gandum

TIADA kelulusan diberikan kerajaan kepada pengilang untuk menaikkan harga tepung gandum tanpa subsidi dalam pek 1 kilogram (kg) dan pek 25kg sekali gus menolak dakwaan kononnya harga barang itu akan dinaikkan mulai 1 Julai ini.

» BERITA DI MUKA 6



KPDNHEP tidak luluskan permohonan pengilang

# Tiada kenaikan harga tepung gandum

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**PUTRAJAYA** – Tiada kelulusan diberikan kepada mana-mana pengilang untuk menaikkan harga tepung gandum tanpa subsidi dalam pek 1 kilogram (kg) dan 25kg sekali gus menolak dakwaan kononnya harga barang keperluan asas itu akan dinaikkan pada 1 Julai ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, sehingga kini pihaknya hanya menerima satu permohonan daripada pengilang untuk menaikkan harga tepung gandum tanpa subsidi pek 1kg dan 25kg.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak memberikan kelulusan kepada mana-mana pengilang untuk menaikkan harga tepung gandum tanpa subsidi tersebut.

Menurutnya, berdasarkan syarat khas lesen mengilang di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, semua pengilang tepung hendaklah mendapatkan kebenaran Pengawal Bekalan sebelum menaikkan harga jualan tepung gandum.

"Oleh yang demikian, dakwaan kenaikan harga tepung gandum mulai 1 Julai ini adalah tidak benar," katanya dalam kenyataan kepada *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Alexander menegaskan bahawa harga tepung gandum bersubsidi masih dijual pada harga RM1.35 bagi paket 1kg seperti yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Tiada kenaikan harga tepung



KPDNHEP menegaskan tiada kenaikan harga tepung gandum tanpa subsidi membabitkan pek 1kg dan 25kg. – GAMBAR HIASAN



ALEXANDER

gandum bersubsidi sebaliknya harga masih kekal RM1.35 sepaket 1kg," katanya.

Untuk rekod, terdapat 11 buah pengilang di negara ini yang mengeluarkan enam jenis tepung bersubsidi pelbagai jenama mengikut kilang masing-masing.

Terdahulu, satu mesej berhubung dakwaan harga tepung akan dinaikkan berkuat kuasa 1 Julai ini tular di laman sosial dan aplikasi WhatsApp.

Mesej itu mendakwa harga tepung paket 25kg akan meningkat RM3 sepaket, manakala harga tepung sekarton meningkat RM2.



HARGA tepung gandum bersubsidi masih kekal seperti yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM1.35 bagi paket 1kg.

## Tiada kelulusan naik harga tepung

**Putrajaya:** Tiada kilang di-berikan sebarang kelulusan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk menaikkan harga.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya menolak dakwaan bahawa harga bagi produk tepung gandum itu akan dinaikkan bermula Julai ini.

Katanya, mana-mana pengilang perlu mendapatkan kebenaran Pengawal Bekalan

terlebih dahulu sebelum mereka dapat menaikkan harga barang berkenaan.

"KPDNHEP hanya menerima satu permohonan daripada pihak pengilang untuk menaikkan harga tepung gandum tanpa subsidi dalam pek 1 kilogram (kg) dan pek 25kg.

"Bagaimanapun, setakat ini tiada kelulusan diberikan kepada mana-mana pengilang untuk menaikkan harga tepung gandum. Berdasarkan syarat khas lesen

mengilang di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, semua pengilang tepung hendaklah mendapatkan kebenaran Pengawal Bekalan sebelum menaikkan harga jualan tepung gandum.

"Oleh yang demikian, dakwaan kenaikan harga tepung gandum mulai 1 Julai adalah tidak benar," katanya.

Alexander berkata, harga tepung gandum bersubsidi masih kekal seperti yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu

RM1.35 bagi paket 1kg.

Sebelum ini, tular di media sosial mengenai kenaikan harga tepung gandum bermula Julai ini.

Ada juga antara pengguna media sosial berkenaan mendakwa menerima panggilan daripada pengilang yang mengatakan harga tepung akan dinaikkan. Kenaikan harga tepung gandum itu juga menyebabkan peniaga terpaksa menaikkan harga makanan yang dijual mereka.

# BUKAN SUKA-SUKA AMBIL TINDAKAN

*Penguatkuasaan KPDNHEP hanya berdasarkan maklumat selepas meneliti prosedur operasi standard MKN*

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Tindakan penguatkuasaan diambil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terhadap peniaga hanya berdasarkan maklumat selepas meneliti pematuhan prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pendaftaran dalam Sistem Pengurusan Pintar Covid-19 (CIMS) 3.0.

KPDNHEP dalam kenyataannya berkata, tindakan diambil adalah mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) berdasarkan pengumuman kerajaan mengenai

penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi dalam tempoh sekatan pergerakan penuh hingga 28 Jun ini.

"Peniaga dinasihatkan supaya mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan kerajaan. Ini termasuk menyediakan dokumen-dokumen yang sah ketika pemeriksaan oleh pegawai penguat kuasa KPDNHEP," menurut ke nyataan itu.

KPDNHEP meryarankan peniaga yang tidak berpuas hati dengan tindakan yang diambil supaya merujuk kepada Pejabat Kesihatan Daerah dan Kementerian Kesihatan untuk pertimbangan selanjutnya.

"KPDNHEP mengambil

maklum beberapa isu yang dibangkitkan dalam media sosial dan berita sejak kebelakangan ini berkenaan tindakan diambil oleh penguatkuasa KPDNHEP terhadap peniaga dan premis mereka," katanya.

**“Peniaga dinasihatkan supaya mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan kerajaan KPDNHEP”**

Sehubungan itu, KPDNHEP mensihatkan peniaga untuk mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan termasuk menyediakan dokumen yang sah ketika pemeriksaan oleh pegawainya.

"Sekiranya peniaga masih belum mendapat kelulusan untuk menjalankan operasi perniagaan, mereka boleh menghubungi KPDNHEP untuk permohonan atau men-

HARI : RABU  
TARIKH : 23/06/2021  
M/SURAT : 11



TINDAKAN  
penguatkuasaan  
diambil KPDNHEP  
terhadap peniaga  
berdasarkan  
maklumat.

## Kilang proses makanan tiada logo halal, kotor diserbu

**KUALA KANGSAR -** Sebuah kilang memproses makanan di Kawasan Perusahaan Kuala Kangsar di sini, dikesan menggunakan logo halal tidak diiktiraf dengan tahap kebersihan yang tidak memuaskan.

Tinjauan mendapati ruang kerja premis berkenaan kotor dan berbau busuk serta terdapat tukang dipenuhi jentik-jentik.

Kesalahan itu dikesan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyertai Operasi Bersepadu Pencegahan Jenayah dan Pemantauan Covid-19.

Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar, Asisten Komisioner Omar Bakhtiar Yaacob berkata, penggunaan logo halal tidak diiktiraf itu merupakan kesalahan berulang dilakukan premis berkenaan sejak tahun lalu.

“Tiada kompaun di-



Omar Bakhtiar menjalankan pemeriksaan persekitaran sebuah premis pada Operasi Bersepadu Pencegahan Jenayah dan Pemantauan Covid-19 di Kuala Kangsar pada Selasa.

keluarkan ke atas kilang tersebut dari segi pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) Covid-19 namun dari segi logo halal tidak sah, tindakan diambil oleh KPDNHEP.

“Bagi aspek kebersihan pula, tindakan susulan diambil oleh KKM di mana pihak berkenaan akan melakukan pemerkasaan sekali lagi,” katanya ketika ditemui di sini pada Selasa.

Menurutnya, KPDNHEP akan mengambil tindakan mengikut

Peraturan 4(1)(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011.

Sementara itu, Omar Bakhtiar berkata, beliau berpuas hati dengan tahap pematuhan SOP yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) hasil daripada pemerkasaan di empat buah kilang di sini.

“Tiada kompaun ke atas kilang di daerah ini dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun hingga kini,” katanya.



PEKERJA kilang alat gantian melakukan kerja pada Operasi Bersepadu Pencegahan Jenayah dan Pemantauan Covid-19 di kawasan Perindustrian Kuala Kangsar.

## Kilang mi guna logo halal palsu

**Kuala Kangsar:** Operasi Bersepadu Pemantauan Covid-19 berjaya membongkar penggunaan logo halal tidak sah oleh sebuah kilang pemrosesan mi dan kuetiau di Kawasan Perindustrian Kuala Kangsar di sini, semalam.

Selain itu, kilang berkenaan juga didapati gagal mematuhi kebersihan terutamanya berkaitan sistem pembetungan sehingga menjadi sarang pembiakan jentik-jentik, selain ada taksungan sisa limbah yang menghasilkan bau busuk di kawasan pemprosesannya.

Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar, Asisten Komisioner Omar Bakhtiar Yaacob berkata, operasi berkenaan dibuat ke atas kilang terbabit membabitkan polis bersama beberapa agensi lain termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak.

Menurutnya, ia membabitkan 45 anggota termasuk penguat kuasa Kementeri Kesihatan Malaysia (KKM), Angkatan Pertahanan Awam

(APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan pasukan pemantau SOP.

“Mengenai sijil halal, tindakan susulan akan diambil oleh KPDNHEP iaitu mengikut Peraturan 4(4)a Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 iaitu kerana menggunakan logo halal tidak sah.”

“Bagi aspek kebersihan, tindakan susulan akan diambil oleh KKM termasuk melakukan pemeriksaan sekali lagi (secara menyeluruh),” katanya ketika sidang media Operasi Bersepadu Pencegahan Jenayah dan Pemantauan Covid-19 di sini, semalam.

Omar Bakhtiar berkata, operasi turut dijalankan terhadap tiga lagi kilang sekitar bandar itu, namun mendapat pematuhan prosedur operasi standard (SOP) mengekang penularan Covid-19 bagi keempat-empat kilang terbabit berada pada tahap memuaskan.

Menurutnya, susulan itu tiada kompaun dikeluarkan menerusi operasi tu bagi pe-

langgaran SOP yang menetapkan kehadiran pekerja ke premis adalah sebanyak 60 peratus daripada kapasiti sebenar.

“Jadi, hasil dari pemeriksaan hari ini (semalam) mendapat keempat-empat kilang termasuk kilang mi dan kuetiau itu tetap mematuhi SOP sama ada yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) mahupun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti),” katanya.

Sementara itu, sumber KPDNHEP berkata, satu tindakan akan dibuat melalui kertas siasatan yang akan dibuka terhadap kilang mi dan kuetiau terbabit kerana menggunakan logo halal tidak diiktiraf, amaran bagi kesalahan sama juga pernah diberikan kepada kilang terbabit sebelum ini.

Katanya, syarikat yang menguruskam operasi kilang itu ketika ini menggunakan logo halal yang dimiliki oleh syarikat lama sebelum berlakunya pengambilalihannya.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : RABU  
TARIKH : 23/06/2021  
M/SURAT : 14

Senarai Harga Barang Keperluan		
Ayam	RM5.99	• Telur Gred A
Daging Lembu Tempatan	RM34	• Ikan Kembung
Daging Lembu Import	RM25	• Minyak Masak
		RM12
		RM12.90
		RM7.10
		RM2.85
		RM3.39
		RM5.50
		RM2.25
Gula Pasir	Cili Merah	Cili Merah
Bawang Besar Holland	Kubis Tempatan	Kubis Tempatan
Bawang Putih	Tepung Gandum	Tepung Gandum

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP